

ucapan ADHO
506
125/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Ketika Merasmikan Persidangan Kedua Pegawai Pelajaran Yang Ke-43 pada 7hb. Februari, 1972 Di-Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur Pukul 9.00 pagi.

Saya sungguh gembira kerana berpeluang sekali lagi untok beruchap kapada tuan2 dan puan2 sekalian. Memandangkan kapada agenda Persidangan ini, saya dapati dalam masa tiga hari yang akan datang ini, tuan2 dan puan2 semua akan membinchangkan beberapa perkara penting berkenaan dengan sistem pelajaran kita. Saya menguchapkan semoga perbinchangan tuan2 beroleh kejayaan yang chemerlang dan saya menunggu2 hasil yang akan di-chapai daripada perundingan tersebut.

Pada pagi ini saya ingin menyentoh tentang ranchangan Kementerian untok meninggikan taraf pelajaran di-negara ini. Saya berpendapat bahawa masaalah mem-perbaiki taraf pelajaran hendaklah di-tinjau dari segala segi ia-itu dari segi murid2, bidang pelajaran sekolah, organisasi sekolah, guru2 dan penyertaan masharakat dalam hal persekolahan.

Sebagaimana yang tuan2 semua sedari, Kementerian Pelajaran telah melancharkan satu kajian sechara besar2an dan bersungguh2 terhadap masaalah kechichiran murid2 atau

"school drop-out" untuk mengetahui apa yang betul2 menyebabkan masalah kechichiran murid2 dan menchari jalan untuk meninggikan lagi bilangan murid2 masuk sekolah. Rancangan kesihatan dan zat makanan sekolah akan menolong dalam menentukan supaya murid2 kita mengamalkan kebiasaan2 kesihatan yang lebeh baik supaya mereka berada dalam keadaan yang lebeh sehat untuk menerima pelajaran yang kita ranchang dan berikan kepada mereka.

Sambil kita berusaha dengan segala tenaga untuk menyelesaikan masalah kechichiran murid2, kita juga hendaklah berusaha untuk menyelesaikan masalah kanak2 lembam, kanak2 mundor dan kelemahan pelajaran di-kalangan murid2 di-sekolah2 kita. Dari segi perangkaan masalah kelemahan pelajaran murid2 atau "pupil under achievement" tidaklah bagitu besar sekali namun demikian ia nya maseh merupakan satu masalah pelajaran yang penting. Dalam satu sistem di-mana murid2 naik dari satu darjah kasatu darjah menurut umur masa atau 'chronological age' kesan kelemahan pelajaran murid2 di-dapati sangat besar ketika murid2 naik dalam sistem sekolah hingga mereka sampai ka-pepereksaan SRP. Tugas kita mengadakan tempat bagi semua kanak2 telah pun selesai. Apa yang harus kita lakukan sekarang ialah kita patut menilaikan sama ada pelajaran yang kita berikan di-satu2 peringkat pada masa yang tertentu telah

di-chapai oleh murid itu. Saya dapati kita perlu menilaikan semula peringkat penceapaian yang kita harapkan dari murid2 di-tiap2 satu darjah dalam sistem persekolahan dan mengetahui setakat mana murid2 itu telah menchapai kejayaan itu. Ini juga adalah merupakan masaalah menyelaraskan kursus2 pengajian yang ada di-sekolah2 kita untok memenohi pelbagai keperluan, kebolehan dan minat murid2 kita. Kementerian Pelajaran telah pun mengadakan beberapa projek curricular untok menjadikan kursus2 pengajian sekolah lebeh berkaitan dengan kedudukan dan keperluan2 serta keupayaan murid2. Perojek2 untok memperbaiki bidang pelajaran kita telah pun di-jalankan bagi mata pelajaran Ilmu Hisab, Sains dan Bahasa. Mata2 Pelajaran lain dalam bidang pelajaran juga sedang di-kaji. Walau bagaimana pun kita hendaklah menyemak semula bidang pelajaran dengan serta merta sechara bersistem mulai dengan bidang pelajaran sekolah rendah. Suka chita saya nyatakan di-sini bahawa Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Pusat INNOTECH Kawasan SEAMEO akan mengadakan satu seminar 4 hari di-Kuala Lumpur mengenai kegunaan Konsep2 INNOTECH dengan tujuan untok merumus dan menilaikan objectib2 pelajaran sekolah rendah. Seminar itu akan di-adakan dari 6 hingga 10hb. Mach, 1972 dan tiap2 negeri akan di-minta menghantar wakil2 untok menyertai seminar tersebut.

Tugas penting menyelaraskan kerja2 dalam berbagai projek memperbaiki bidang pelajaran yang kini sedang di-jalankan oleh Kementerian dan yang lebeh penting lagi peranchangan dan pembangunan semua ranchangan bidang pelajaran pada masa akan datang akan di-jalankan oleh satu Pusat Pembangunan Pelajaran (yang dahulu-nya dikenali sebagai Pusat Sains Kebangsaan). Pusat PPP telah pun di-bentok di-Bahagian Peranchang dan Penyelidekan Pelajaran, Kementerian Pelajaran. Kita telah pun menghubungi Bank Dunia untuk membiayai pembenaan Pusat itu yang di-jangka siap menjelang tahun 1974.

Kementerian sedar bahawa dalam masa beberapa tahun yang akhir2 ini semakin ramai ibu bapa mengambil berat untuk memberikan pengalaman pelajaran awal pada anak2 mereka. Ini dapat di-lihat dengan ada-nya semakin ramai kanak2 yang masok ka-pusat2 pelajaran sabelum bersekolah atau 'pre-school centres'. Oleh yang demikian Kementerian Pelajaran telah pun mengambil tindakan supaya Pusat2 Pre-School akan di-jalankan menurut prinsip2 pelajaran yang betul. Akta Pelajaran sedang di-semak semula untuk membolehkan Kementerian mengawasi perkembangan pusat2 saperti itu. Dalam pada itu juga satu unit pre-school telah di-bentok di-Bahagian Sekolah, Kementerian pelajaran untuk mengawasi pembangunan dan susunan pusat2 pre-school di-negara ini. Kementerian ini sedang menjalankan kursus satu tahun berkenaan dengan pelajaran pre-school bagi 30 orang guru2 terlateh yang mana salepas tamat kursus mereka akan menjadi Penasehat dan

Pegawai2 penting pre-school di-negeri2 dalam Malaysia. Saya ingin menegaskan di-sini bahawa Kementerian tidak berniat untuk mengambil alih taman didekan kanak2 dan taman asohan kanak2. Kita perchaya bahawa masharakat hendaklah memainkan peranan penting dalam pelajaran ini. Peranan Kementerian adalah semata2 untuk memberi nasehat dan pengawasan untuk menentukan supaya kemudahan2 dan ranchangan2 aktiviti yang di-adakan di-pusat2 pre-school benar2 berchorak pelajaran.

Di-dalam persidangan lalu yang telah di-adakan dalam bulan Jun tahun lepas saya telah menyatakan bahawa sistem persekolahan kita mestilah menumpukan lebeh perhatian bagi menyedia dan membantu penuntut2 yang keluar sekolah mendapatkan pekerjaan. Ini bermaana bahawa penuntut2 yang keluar daripada Sekolah Vokeshenal akan menjadi pekerja2 mahir di-dalam satu2 bidang yang tertentu atau kursus yang di-ambil di-sekolah2 itu. Berikutan dengan itu pengajaran mata2 pelajaran vokeshenal di-sekolah menengah vokeshenal adalah sedang di-perhebatkan dan di-perluaskan lagi terutama sakali di-bidang peraktikal dengan tujuan untuk menolong murid2 itu mendapatkan beberapa banyak kemahiran di-dalam bidang2 yang tertentu yang di-berikan kepada mereka. Masaalah yang kita hadapi sekarang ini adalah jenis latehan praktikal

yang kita berikan mestilah salaras dengan kemahiran yang di-kehendakki oleh Badan2 Kerajaan atau pun pertubohan2 Perusahaan. Oleh kerana itu Kementerian Pelajaran telah pun mengambil langkah untok berhubung dengan badan2 yang berkehendakkan tenaga2 mahir itu. Kerjasama dan bantuan badan2 sa-umpama itu dan sektor2 Awam serta Swasta adalah di-perlukan. Di-dalam sektor awam, kerjasama dari jabatan2 saperti J.K.R., Jabatan Talikom, Lembaga Letrik Negara, Kementerian Pertanian, Kementerian Buroh dan Keretapi Tanah Melayu adalah di-kehendakki. Sementara itu bahagian swasta juga patutlah membuka bengkel2 mereka untok membolehkan penuntut mensesuaikan diri mereka dengan keadaan dan amalan pekerjaan yang sebenar-nya. Maka saya sukalah menyeru semua pihak yang berkenaan agar memberikan kerjasama dan bantuan dalam usaha2 kita di-dalam bidang pelajaran yang tertentu ini.

Sekarang ini saya suka menhadangkan agar kita meninjau lebeh dekat lagi tentang susunan sekolah2 kita. Rang Undang2 Pindaan Pelajaran yang sedang di-binchangkan sekarang ini dalam Parlimen memerlukan perubahan dalam pengurusan sekolah2. Saya menyeru semua Ketua2 Pegawai Pelajaran supaya mengkaji implikasi Akta Pindaan itu supaya tuan2 semua dapat mengetahui satakat mana kerja2 yang patut di-jalankan oleh Guru2 Besar sekolah di-negeri tuan2.

Dari segi pentadbiran dan susunan sekolah kita hendaklah menchari jalan untok membantu guru2 besar sekolah supaya lebeh chekap menjalankan pentadbiran dan susunan2 sekolah mereka.

Susunan sekolah bergantung sabahagian besar atas kejayaan ranchangan pelajaran yang di-jalankan oleh Kementerian Pelajaran. Oleh yang demikian persidangan ini hendaklah menimbangkan apa2 yang patut di-lakukan oleh Kementerian untok menolong guru2 besar kita di-sekolah2 untok menguruskan sekolah2 mereka supaya sesuai dengan kehendak2 murid2 kita. Tugas sa-orang guru besar adalah sangat berat. Tanggong jawab mereka terdiri dari perkara pentadbiran saperti menyediakan kertas2 gaji, menyimpan rekod dan lain2 sampai-lah kapada peranan professional yang kompleks sabagai sa-orang pemimpin kapada semua guru2 dan murid2 di-sekolah di-samping menjadi penasihat kapada ibu bapa dan murid2. Dengan arti kata yang lain kita mengharapkan guru2 besar kita supaya menjadi saorang pentadbir yang chekap dan juga sabagai saorang professional yang berkebolehan tinggi. Kejayaan ranchangan pelajaran kita adalah bergantung di-atas mereka. Oleh yang demikian saya berpendapat bahawa kita hendaklah menimbangkan perkara2 yang berikut:-

- (a) Chara pemilehan guru besar di-mana kekananan atau perkhidmatan tidak boleh di-jadikan sabagai ukoran utama; di-sebaleknya sifat2 saperti semangat, dedikasi, kechenderongan terhadap pelajaran, keinginan dan kebolehan menchapai kemajuan sejajar dengan perkembangan pelajaran hendaklah di-beri perhatian yang lebeh utama;
- (b) persediaan untok menjadi guru besar sabelum di-tempatkan ka-sekolah2; dan
- (c) menyediakan panduan bagi guru besar supaya mereka mengetahui peratoran pentadbiran untok menchapai kechekapan keselurohan-nya.

Sekolah2 yang kechil akan di-kekalkan dalam sistem persekolahan untok beberapa waktu oleh kerana dasar kita ialah untok mengadakan pelajaran di-mana murid2 itu berada terutama sekali pada perengkat awal persekolahan. Dengan ada-nya bilangan kechil murid2 dalam tiap2 kumpulan umor di-sekolah2 itu, sa-saorang guru terpaksa mengajar banyak kelas. Susunan pengajaran kelas yang banyak ini memerlukan kaedah2 dan atoran yang tidak di-dapati di-sekolah2 besar. Saya berasa gembira kerana tuan2 semua supaya

kerana persidangan ini akan membincangkan masaaalah ini dan saya menyeru tuan2 semua supaya menchari penyelesaian yang peraktikal dengan sachepat mungkin.

Dengan ada-nya perlaksanaan shor2 Surohanjaya Aziz kita berharap akan dapat menempatkan guru2 dengan lebeh tersusun lagi di-semua sekolah2 kita. Persidangan ini hendaklah menchari satu jalan bagaimana kita dapat menempatkan guru dengan lebeh adil dan prektikal. Saya sedar bahawa jentera sasuaatu sistem penempatan guru bukanlah mudah hendak di-chapai. Di-samping faktor2 pentadbiran kita juga perlu menimbangkan keperluan tenaga manusia. Saya selalu menegaskan peri mustahaknya membaiki taraf guru2. Kita perlu menjalankan penyemakan samula pada satiap masa atas kecekapan guru2 kita dari segi akademik dan professional dan membantu mereka menchapai kecekapan yang lebeh tinggi di-dalam kedua lapangan itu. Satu penyiasatan (pada 30hb Jun, 1971) telah menunjukkan bahawa terdapat sajumlah 16,355 guru2 sekolah rendah kurang berkelayakan ia itu, ini bermaana mereka tidak mempunyai kelulusan SRP/LCE. Langkah patutlah di-ambil untuk menolong mereka memperbaiki kelulusan dan kebolehan2 mereka untuk mengajar bidang pelajaran kita dengan lebeh berkesan.



Rancangan Latehan Guru sebelum berkhidmat sekarang ini sedang di-semak semula dengan tujuan agar guru2 kita dapat memberi perkhidmatan yang lebeh baik kepada negara. Sajumlah wang sebanyak \$2,704,070/- telah di-peruntokkan untok mengadakan 43 kursus dalam perkhidmatan sepanjang tahun 1972. Sunggoh pun demikian adalah di-tegaskan di-sini bahawa sumber kewangan Kementerian ini ada-lah terhad dan guru2 mesti-lah dengan usaha mereka sendiri meninggikan ilmu pengetahuan masing2 sejajar dengan kemajuan hari ini. Mungkin perlu bagi kita menimbangkan pembentokan di-dalam Perkhidmatan Guru satu sistem mengadakan kursus2 ulang kaji untok melengkap dan meninggikan taraf guru2.

Sekolah sebagai sabuah yayasan sosial berkehendakkan kerjasama yang lebeh rapat dengan masharakat di-mana sekolah itu berada. Apa yang di-ajar di-sekolah2 mestilah selaras dengan keperluan masharakat setempat. Di-dalam dunia yang pesat berubah di-bidang pengetahuan dan yayasan2 maka murid2 sekolah hendak-lah di-sediakan bukan sahaja untok menghadapi dunia tidak berapa lama lagi malahan juga untok beberapa puloh tahun akan datang. Amatlah mendukachitakan sekira-nya sekolah2 tidak mahu memenohi kehendak2 masharakat. Sekolah ujud bukan hanya untok menanamkan ka-dalam jiwa

anak2 muda warisan atau 'heritage' masharakat malahan juga untok membangunkan mereka sabagai ajen2 perubahan supaya masharakat akan membangun dan maju sejajar dengan masa. Oleh kerana itu sasabuah sekolah tidaklah harus tinggal berasingan daripada masharakat di-mana sekolah itu berada. Kita mesti mengadakan chara2 perhubungan di-antara sekolah dan masharakat. Maka Persatuan2 ibu bapa dan guru2 ialah satu chara ka-arrah ini. Perkhidmatan masharakat yang di-ranchangkan dan di-laksanakan oleh guru2 dan murid2 kita akan juga merapatkan pihak sekolah dan masharakat. Usaha ini juga akan menyedarkan murid2 semasa mereka maseh mentah lagi tentang tanggung-jawab mereka terhadap sesama maanusia. Kementerian ini sedang menyediakan satu panduan untok kegunaan guru bagaimana sekolah2 boleh mewujudkan penyertaan sekolah dan masharakat dalam usaha2 pelajaran negara kita.

Saya telah chuba menghuraikan apa yang saya fikirkan sebagai chara2 yang utama untok meninggikan mutu pelajaran yang di-bekalkan oleh sekolah2 kita. Saya sedar bahawa masaalah-nya banyak dan kita berkehendakkan masa dan sumber2 kewangan untok melaksanakan perkara2 itu dengan berjaya-nya. Sunggoh pun demikian kita mestilah menyelesaikan masaalah2 pembaikkan mutu ini mengikut satu chara yang bersistem dengan menimbangkan puncha2 kewangan kita dan satakak mana kita boleh bergerak.

Sekali lagi saya menyatakan bahawa
saya memberi sokongan dengan sapenoh hati terhadap
chadangan2 yang tuan2 kemukakan di-dalam persidangan
ini.



Sebagai lagi saya menyatakan bahawa
saya memberi sokongan dengan sepenuh hati terhadap
chabang yang tuans kemukakan di-dalam perancangan
ini.



No. Siri	87
No Penerimaan	87/80